



KENYATAAN UMUM

KEMUDAHAN AKTIVITI PERLESENAN DAN PENGUATKUASAAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Merujuk kepada perutusan khas YAB Perdana Menteri Malaysia pada 25 Mac 2020 berhubung pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 14 April 2020, beberapa kemudahan berkaitan aktiviti perlesenan dan penguatkuasaan akan disediakan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) untuk memfasilitasikan pihak industri dan pemegang lesen LPTA sepanjang tempoh PKP tersebut.

Kemudahan yang ditawarkan adalah seperti berikut :

- a) Membenarkan penggunaan meter tinjau (*survey meter*) yang telah tamat tempoh sah tentukuran dalam tempoh PKP untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKP.
- b) Membenarkan penggunaan peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah senggaraan dalam tempoh PKP untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKP.
- c) Membenarkan PPS/PY/PP/PPB yang telah tamat tempoh sah pengiktirafan dalam tempoh PKP ini untuk memperbaharui tempoh

sah perkhidmatan walaupun mata CEP tidak mencukupi untuk tempoh satu tahun.

- d) Membenarkan penggunaan alat pengawasan personal yang digunakan bagi bulan Mac 2020 untuk terus digunakan sehingga April 2020.

Walaupun bagaimanapun, kemudahan ini hanya terpakai sepanjang tempoh PKP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia. Kemudahan ini akan terbatal setelah tempoh PKP tamat. Sila ambil perhatian bahawa pemegang lesen adalah kekal tertakluk kepada peruntukan undang-undang di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) serta peraturan-peraturan subsidiari yang dibuat di bawahnya sepanjang masa.

LPTA berharap agar kemudahan yang ditawarkan ini dapat meringankan beban dan membantu pihak industri dan pemegang lesen dalam operasi harian yang melibatkan penggunaan aktiviti tenaga atom sepanjang tempoh PKP dikuatkuasakan. Selain itu, LPTA turut menyeru dan mengingatkan agar semua pihak bersama-sama memainkan peranan dalam membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Sekian, terima kasih.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
26 Mac 2020 @ 6.30 petang